



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Lukisan alam Ilahi tiada tandingan

Kesempurnaan dan keindahan struktur badan termasuk minda manusia adalah hasil penciptaan Tuhan yang Maha Berkuasa iaitu Allah SWT. Tidak ada kuasa lain yang mampu untuk melakukan sedemikian melainkan Allah.

Masih belum ada teknologi yang mampu untuk menandingi kehebatan dan keunikan Allah mencipta manusia, sekalipun satu anggota badan.

Perbezaan susunan DNA dan cap jari setiap manusia antara bukti untuk menunjukkan kekuasaan dan kebesaran Allah. Dia adalah Tuhan yang Maha Berkuasa. Manusia tiada pilihan untuk tidak mempercayai Allah sebagai Tuhan mereka.

Bagaimanapun, sehingga hari ini masih ramai manusia yang meragui, malah enggan mengakui kekuasaan Allah.

Bagaimanakah untuk manusia mendapatkan bukti bahawa Allah Maha



BIASAN cahaya matahari yang berlaku di kawasan kutub fenomena alam menakjubkan ciptaan Yang Maha Esa untuk renungan umat manusia.

Berkuasa? Firman-Nya dalam **surah al-Baqarah, ayat 164** bermaksud: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda

yang bermanfaat kepada manusia, demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Dia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang.

"Demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi, sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan

Allah, kekuasaan-Nya, kebijaksanaan-Nya dan keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran."

Firman-Nya dalam **surah Fussilat, ayat 37** bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang serta matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sebaliknya hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menciptakannya, kalau betullah kamu hanya beribadat kepada Allah."

Tuhan mengajak manusia menggunakan akal untuk berfikir dan memerhatikan tanda kebesaran-Nya di sekeliling kita.

Manusia boleh membuat penelitian pada bumi dan langit ini, kejadian siang dan malam dan memerhatikan kejadian diri mereka sendiri untuk mendapatkan bukti kekuasaan-Nya.

Penelitian dan pemerhatian inilah yang dikenali sebagai ilmu sains. Sains pada dasarnya bermaksud melihat alam ini melalui pendekatan

yang lebih sistematik serta menekankan pemikiran yang kritis dan logik.

Kejadian alam dianalisis secara saintifik dan dengan bukti saintifik inilah kita dapat membuktikan kepada manusia mengenai kehebatan serta keesaan Allah.

Setiap kejadian alam dibuktikan dengan data untuk meyakinkan bahawa tiada kuasa yang mampu mencipta melainkan semua itu datang daripada Allah.

Kajian dan pembuktian ini adalah untuk memudahkan lagi manusia memerhati dan merenungi kehebatan bukti kekuasaan Allah.

Melalui pendekatan sains, maka banyak persoalan yang mampu kita jawab dengan fakta dan seterusnya mungkin boleh membawa kepada pengakuan ke atas kekuasaan-Nya.

Manusia yang meyakini bahawa Allah yang mencipta dirinya, maka mereka seharusnya mampu untuk patuh kepada segala perintah-Nya.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM